

20 AUG 2002

Syed Hamid-Indonesia/I

SYED HAMID MINTA AMIEN LEBIH RASIONAL

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar meminta Speaker Majlis Permesyuaratan Rakyat Indonesia, Amien Rais, supaya melihat secara rasional undang-undang Malaysia yang mengenakan hukuman sebat terhadap pendatang asing tanpa izin di negara ini.

"Elaklah daripada emosi. Bercakaplah dengan waras dan bertanggungjawab," katanya kepada pemberita selepas pertemuannya dengan Timbalan Perdana Menteri Pertama Ukraine Oleg Dubyna di sini.

Ketika diminta mengulas kritikan Amien bahawa undang-undang itu tidak berperikemanusiaan dan satu penghinaan kepada rakyat Indonesia, Syed Hamid berkata beliau yakin bahawa sebagai seorang pemimpin, anggota majlis perundangan dan speaker parlimen, Amien tentunya tidak mahu menggalakkan rakyat negaranya masuk secara haram ke sebuah negara lain yang bebas dan berdaulat.

"Adakah beliau bermaksud bahawa rakyat Indonesia boleh masuk ke sini secara tidak sah," katanya.

Syed Hamid berkata beliau mengharapkan bahawa sebagai seorang pemimpin, Amien sepatutnya memberikan kenyataan yang positif berhubung perkara itu dan menasihati rakyat Indonesia yang ingin ke Malaysia supaya menggunakan saluran dan proses yang sah.

Beliau berkata hukuman sebat itu adalah sebagai satu pengajaran bagi menyedarkan sesiapa saja supaya berfikir dua kali sebelum masuk ke negara ini secara tidak sah.

Syed Hamid berkata semua tindakan yang Malaysia ambil terhadap pekerja asing tanpa izin dari Indonesia dilakukan hasil rundingan dengan kerajaan Indonesia menerusi kedutaannya di sini, dan melalui lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjelaskan perkara itu kepada Presiden Megawati Sukarnoputri.

Katanya tanpa pekerjaan tetap, pendatang tanpa izin di Malaysia boleh menggugat kestabilan negara ini, dan mereka akan terlibat dalam kegiatan jahat ataupun dieksploitasi oleh majikan, dan akan menyebabkan kerajaan Malaysia disalahkan jika mereka dieksploitasi.

"Apabila kita perlukan mereka, apabila ada pekerjaan, maka negara kita terbuka, tetapi (mereka) hendaklah melalui proses biasa," katanya.

Syed Hamid berkata Malaysia telah bertindak secara terbaik dan penuh peri kemanusiaan terhadap pekerja asing tanpa izin sebelum ini, termasuk memberi masa setahun sehingga 31 Julai lepas untuk mereka meninggalkan negara ini.

"Malaysia mengeluarkan belanja sendiri menghatnir pulang lebih 400,000 pekerja asing tanpa izin," katanya.

-- BERNAMA

MSL AZH MAI